



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENGUATKUASA (C.2-3 EB.4)  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENGUATKUASA  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Automobil / Information Technology (IT) / Mekanikal atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji D.4 / D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji D.4 / D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berpengetahuan mengenai Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 1, 3 dan 5 yang sah (yang tidak mansuh).
4. Berkebolehan memahami, menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjalankan penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya;



2. Melakukan pemeriksaan bagi mengenal pasti pemandu-pemandu dan kenderaan yang disyaki telah melanggar Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Jalan Raya dan juga menyalahgunakan permit-permit yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan atau orang-orang perseorangan; dan
3. Membuat rondaan ke atas kesalahan-kesalahan dari segi Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam yang berhubung dengan tidak mematuhi peraturan-peraturan pembinaan, kelengkapan dan kegunaan atau kerana kerosakan-kerosakan mekanikal yang serius yang dipercayai boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.